

Syor tindakan ke

BH 1 AUG 2000

Oleh Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Khamis – Kongres Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mahu tindakan tegas dikenakan terhadap pegawai kerajaan yang sengaja enggan menubuhkan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dalam organisasi masing-masing.

Presidennya, Siva Subramaniam, berkata tindakan itu termasuk tidak memberi sokongan untuk kenaikan pangkat walau-

Cuepacs mahu pegawai kerajaan yang enggan menubuhkan Majlis Bersama Jabatan di organisasi masing-masing dikenakan tindakan termasuk tidak sokong kenaikan pangkat .

pun disifatkan menjalankan tugas yang baik dalam aspek lain.

Menurutnya, kriteria itu perlu untuk kenaikan

pangkat kerana fungsi MBJ penting bagi menyelesaikan masalah berbangkit dalam sesebuah organisasi, khususnya organisasi

yang digerakkan oleh kakitangan dan pegawai yang ramai.

Walaupun kini ada Perintah Am untuk kakitangan, katanya, usaha perlu dibuat bagi memperkukuhkan budaya kerja lebih mantap supaya perkhidmatan kerajaan dapat ditingkatkan demi faedah rakyat.

“Kami kesal kerana berdasarkan maklum balas yang diterima, ada sesete-

atas pegawai ingkar

ngah pegawai di jabatan kerajaan enggan menggunakan konsep kesatuan sebagai rakan kongsi untuk menyelesaikan masalah dalaman.

“Sehubungan itu, kami akan membincangkan perkara ini dalam pertemuan dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Halim Ali), tidak lama lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Bengkel Kajian Semakan Gaji, Sistem Saran Baru (SSB) di sini, yang berakhir hari ini. Bengkel tiga hari itu dihadiri semua jawatankuasa kerja Cuepacs dan tiga Majlis Bersama Kebangsaan.

Ketika ini, lebih 900 organisasi aktif menggerakkan MBJ sejak diperkenalkan pada 1992 berbanding

hampir 2,000 organisasi di seluruh negara.

Dalam perkembangan lain, Siva berkata, Cuepacs sedang menunggu keputusan Kementerian Sumber Manusia mengenai cadangan supaya skim perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) diperluaskan kepada kakitangan awam.

Menurutnya, ketika ini kakitangan awam yang ditimpa kemalangan sewak-

tu bertugas atau dalam perjalanan hanya boleh membuat tuntutan pampasan kepada Perbendaharaan, mengikut panduan pekeling sementara yang dikeluarkan JPA 10 tahun lalu.

Pekeliling sementara yang ada sekarang, katanya, boleh ditarik pada bila-bila masa dan Cuepacs mahukan skim perlindungan yang kekal kepada semua kakitangan kerajaan.